



PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN BAHASA MELAYU (DARJAH 3)



- 1 Gong itu diperbuat daripada _____.
- A kayu B tembaga C plastik
- 2 Menjaga kebersihan adalah tanggungjawab _____ bersama.
- A kita B kalian C kami
- 3 Encik Burhan pemimpin yang baik. _____ dihormati oleh penduduk Kampung Tanjung Gemok.
- A Saya B Beliau C Dia
- 4 Usia nenek Halimah telah mencecah 90 an, dia berjalan _____
- A bengkok B bongkok C lurus
- 5 Puteri Danisha Alya seorang puteri yang cantik, dia mempunyai sepasang mata yang _____.
- A bundar B besar C luas
- 6 Ayam-ayam peliharaan Pak Kassim sedang asyik _____ padi di halaman rumahnya.
- A menelan B memakan C mencatuk



- 7 Kereta api itu _____ buah epal yang berada di atas rel kereta api.
- A mengilis B merenyukkan C menghancurkan



- 8 Pak Cik Leman membeli hadiah itu _____ anaknya.
A kerana B atau C untuk
- 9 "Saya dan Amri akan menyertai pertandingan memancing pada hari esok _____ Amran," kata Alif kepada Hasrul.
A kecuali B dan C kerana
- 10 _____ jenis kuih-muih dihidangkan untuk berbuka puasa di masjid pada hari ini.
A Setiap B setengah C Berbagai-bagai
- 11 "_____ kami asyik mendengar radio tiba-tiba kami terdengar bunyi letupan di dapur" kata Jasmin.
A Sedang B dan C kesemua
- 12 "Makanan seimbang amat baik untuk bayi. _____ kesihatan ibu juga harus dijaga" kata Doktor Najwa.
A Tambahan pula B oleh itu C di samping itu
- 13 Anak tunggal perempuan Encik Badrul bekerja sebagai _____ di sebuah syarikat penerbangan tempatan.
A Pragawati B pragawan C pramugari




- 14 Emak sedang makan petang. _____ jagung untuk
A menanak B menggoreng C merebus

15 Ayah terpaksa berhenti seketika di bahu jalan kerana cuaca di puncak Bukit Tinggi _____

- A berkabus B berlubang C berair

16 “ Pak Karim mendapat ikan kerapu seberat 10 Kg, menyebabkan perahunya kelihatan _____.

- A tunggang-langgang B beroleng-oleng C terhuyung-hayang



17 Rama-rama mempunyai sepasang _____ di kepalanya.

- A sesiku B sesungut C sesenduk

18 Pak Ali membelah kayu dengan se _____ kapak.

- A laras B bilah C pucuk



19 Ah Keong membeli se _____ anggur di Pasar Raya Tunas Manja.

- A biji B bentuk C gugus

20 “Tanah yang kita duduki ini hanya sekadar _____,” kata ibu.

- A sekangkang kera B sekerat C sebidang

21 Mak Cik Milah _____ untuk melepaskan anaknya menyertai perkhemahan tersebut kerana anaknya menghadapi masalah kesihatan.

- A sekerat hati B berat hati C keras hati

Pilih perkataan sama erti dengan perkataan yang bergaris

22 Proton Saga merupakan model pertama keluaran PROTON.

- A jenis B bentuk C fesyen

Pilih perkataan berlawanan dengan perkataan yang bergaris

23 Kenderaan nasional dapat bersaing dengan kenderaan yang diimport dari luar negara.

- A jual B eksport C pamer

Pilih ayat pasif kepada ayat aktif yang betul

24 Bola itu ditendang oleh Abu.

- A Bola itu menendang Abu.
B Abu ditendang oleh bola.
C Abu menendang bola itu.

25 Di manakah kamu tinggal ?

- A Entah, saya tidak tahu.
B Saya memang suka tinggal di sana.
C Saya tinggal di Kampung Janglau.

26 Sudah berapa lamakah kamu bergiat dalam bidang sukan ini ?

- A Sepanjang yang saya ingat sudah hampir enam tahun
B Saya akan bergiat dalam bidang sukan ini selama enam tahun.
C Sudah enam tahun lalu saya berminat dalam bidang sukan ini.

Pilih perkataan yang betul dalam ayat

27 A Adik kelihatan jelita ketika senyum.
B Perempuan yang jelita itu ratu kebaya.
C Gadis itu jelita ketika memakai kebaya.

28 A Pengantin itu sangat harum.
B Suasana pagi di tepi tasik itu sangat harum.
C Bau minyak wangi itu sangat harum.

Pilih ayat yang betul

29 A Lutut Liyana berdarah kerana terjatuh dari basikal
B Ayah mencarikan saya sebiji basikal baharu.
C Kereta itu dicuci oleh Encik Wahab sehingga indah.

30 A Nah! Ambillah wang ini.
B “Eh,kamu rupanya! Kamu dari mana?” tanya Misha.
C Mak Cik Tijah membeli terung, tomato dan, daging di pasar tani.

Soalan 31 hingga 35 berdasarkan petikan di bawah.

Salleh bin Abdullah,
14, Laman C9,
Kampung Pandan,
55100 Kuala Lumpur.

15 Mei 2009

Menemui sahabatku Jasli di Alor Star, semoga saudara sekeluarga berada dalam keadaan sihat sejahtera.

Saudara,

Semasa cuti sekolah yang lalu, saya telah ke Sabah dengan keluarga. Kami menginap di sebuah calet di Pulau Manukan.

Pulau Manukan sungguh cantik. Air lautnya biru dan jernih. Di sini, kami tidak dibenarkan menangkap ikan, mengutip batu karang dan siput.

Pelbagai aktiviti kami lakukan di sini. Antaranya ialah bermain bola pantai dan menyertai pertandingan membina istana pasir.

Saya berasa amat gembira semasa berada di sana. Pengalaman bercuti ini tidak dapat saya lupakan.

Setakat ini sahaja cerita saya. Sambutlah salam manis daripada saya untuk saudara dan keluarga di sana.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,
Salleh

31 Siapakah yang menulis surat ini ?

A Jasli B Salleh C Abdullah

32 Di manakah penulis tinggal ?

A Alor Star B Kampung Pandan C Pulau Manukan

33 Apakah aktiviti yang dilakukan oleh penulis di Pulau Manukan ?

A Menangkap ikan B Mengutip batu karang C membina istana pasir

34 Pada pendapat anda, bagaimanakah hubungan penulis dengan sahabatnya ?

A Mesra B dingin C renggang

- 35 Apakah perasaan penulis ketika melancong di Pulau Manukan?
A kecewa B bimbang C gembira

Soalan 36 hingga 40 berdasarkan petikan di bawah.

Razman dan rakan sekelasnya melawat ke Kilang Batik Nusantara pada 10 Mei yang lalu. Kilang itu terletak di Kuantan. Mereka tiba di situ pada pukul 9.15 pagi. Mari kita lihat aktiviti Razman dan rakan sekelasnya sepanjang lawatan tersebut.

- 8.15 pagi Guru pengiring memberikan taklimat kepada murid-murid.
- 8.30 pagi Bertolak dari sekolah dengan menaiki bas.
- 9.15 pagi Tiba di kilang batik dan mendengar taklimat daripada pengurus kilang.
- 9.30 pagi Melihat proses mengecap batik.
- 9.45 pagi Melihat proses mencanting batik. Belajar mencanting batik.
- 10.45 pagi Mengunjungi pameran pakaian batik.
- 11.00 pagi Menikmati jamuan ringan. Penyampaian **cenderamata** oleh pengurus kilang.
- 11.30 pagi Bertolak pulang.
- 36 Bagaimanakah mereka ke kilang itu ?
A Menaiki kereta B menaiki van C menaiki bas
- 37 Bilakah lawatan itu diadakan ?
A 10 Mei 2009 B 20 Mei 2009 C 10 Jun 2009
- 38 Bilakah Razman dan rakannya melihat dan belajar proses mengecap batik ?
A 9.15 pagi B 9.30pagi C 9.45pagi
- 39 Apakah yang dilakukan oleh Razman di situ ?
A Memberi taklimat
B Belajar mencanting batik
C Membeli cenderamata
- 40 Perkataan **cenderamata** dalam petikan bermaksud _____.
A buah tangan B buah hati C anak buah

Tulis lima ayat yang lengkap tentang gambar di bawah .



bersenam



menjaga kebersihan



makanan seimbang



meluangkan masa bersama



tidur yang cukup